

Kuala Lumpur: Kemelut pembangunan semula infrastruktur Pasar Keramat di sini, yang berusia lebih 40 tahun boleh diselesaikan jika Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak pemaju mencapai kata sepakat dengan situasi menang-menang.

Calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, pasar berkenaan perlu segera dibangunkan semula berikutan ia berpotensi besar dan menjadi nadi kepada penduduk kawasan Datuk Keramat terutama periuk nasi 334 peniaga.

“Saya difahamkan ta-

Pasar Keramat perlu dibangun semula

(13 NOVEMBER 2022) MHO, P13

nah ini dijual DBKL kepada pemaju enam tahun lalu, tetapi pemaju tidak boleh melaksanakan pembangunan tidak tahu kenapa adakah masalah kedudukan kewangan atau mereka tidak tahu hendak buat apa (perancangan pembangunan).

“Malah, DBKL belum menerima penjualan tanah se-

penuhnya hanya dapat kutip beberapa peratus.

“Pasar ini berpotensi besar kerana ramai pengunjung serta berdekatan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), malah penduduk setempat juga boleh berjalan kaki ke

sini, tetapi sayang infrastruktur tidak sempurna seperti masalah pend-

waan elektrik, tandas dan jalan berlopak serta jika ada kebakaran tiada pihak dapat menyelesaikan menyebabkan peniaga terjejas.

“Justeru, penting kawasan ini dibangunkan semula dan saya sedia jadi pengantara persatuan peniaga dan penjaja, pemaju dan DBKL jika diberi peluang menjadi wakil rakyat untuk mendapatkan situasi menang-menang,” katanya selepas *walkabout* di Pasar Keramat di sini, semalam.

**Pasar Keramat
berusia lebih 40
tahun menjadi periuk
nasi 334 peniaga**